

18 April 2018

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

“JANJI AIR” BN PULAU PINANG TIDAK RELEVAN DAN TIDAK RASIONAL

- **PBAPP menyediakan penyambungan PAIP AIR PERCUMA kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan RM770 atau kurang di Pulau Pinang.**
- **Isi rumah miskin di Pulau Pinang juga menikmati BEKALAN AIR PERCUMA (sehingga 30,000 liter sebulan) sejak bertahun-tahun dahulu.**

PULAU PINANG, Rabu, 18/4/2018: Sebagai sebahagian daripada komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR), PBAPP telah menyediakan penyambungan air percuma dan air percuma kepada isi rumah miskin di Pulau Pinang sejak bertahun-tahun dahulu.

Di bawah program “Projek Perumahan Rakyat Termiskin” (PPRT) bagi isi rumah yang berpendapatan di bawah RM770 sebulan, PBAPP menyediakan 2 kategori bantuan:

- a. Kategori pertama adalah untuk premis yang berkelayakan tanpa penyambungan air sedia ada, di mana satu penyambungan percuma disediakan, dari saluran paip utama ke premis, ke satu paip.
- b. Kategori kedua, untuk premis yang berkelayakan yang sudahpun mempunyai penyambungan air, PBAPP menyediakan rebat bil air untuk kegunaan sehingga 60,000 liter setiap dua bulan (1 kitaran bil). Pada kadar tarif semasa, rebat sehingga maksimum RM18 setiap kitaran bil dua bulan.

Menyediakan **“Air percuma kepada mereka yang berada di bawah garis kemiskinan”?**

Kami telah melakukannya, dan banyak lagi, selama bertahun-tahun.

PINJAMAN MUDAH “KAMPUNG LOAN”

Isi rumah dengan pendapatan bulanan RM1,000 atau kurang juga boleh memohon kepada PBAPP untuk pinjaman tanpa faedah “*Kampung Loan*” untuk membiayai penyambungan paip air. “*Kampung Loan*” (sehingga RM1,500 setiap isi rumah) boleh dibayar balik melalui bayaran setiap kitaran RM30, iaitu setiap kitaran pengebilan (dua bulan).

Selain itu, PBAPP juga mengecualikan semua deposit dan sumbangan sesalur induk bagi penyambungan “*Kampung Loan*”.

Pada tahun 2017, di bawah program “*Kampung Loan*” PBAPP, 90 isi rumah menerima pinjaman tanpa faedah berjumlah RM133,870 daripada PBAPP untuk penyambungan air.

Pada 31/1/2018, Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Lim Guan Eng memperuntukkan RM76,500 daripada “Peruntukan Ketua Menteri” untuk membiayai penyambungan paip air kepada 51 isi rumah berpendapatan rendah di kawasan Dewan Undangan Negeri Bertam dan Penaga.

Selain bantuan kewangan, mereka juga memerlukan bantuan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperolehi kebenaran daripada pemilik tanah untuk penyambungan paip air. Kerajaan Negeri telah menyelesaikan masalah mereka itu.

Pulau Pinang adalah negeri yang penyayang. Kami sentiasa bersedia membantu golongan miskin yang memerlukan bantuan untuk bekalan air.

REBAT BIL AIR UNTUK RUMAH IBADAT DAN ORGANISASI KEBAJIKAN

Selain itu, sejak tahun 2009, PBAPP juga telah memberikan rebat bil air kepada semua rumah ibadat yang layak di Pulau Pinang (termasuk masjid, gereja dan kuil).

Pada tahun 2012, keistimewaan ini juga diperluaskan kepada semua organisasi kebajikan yang berkecukupan.

Pada tahun 2017, 1,788 tempat ibadat dan pertubuhan amal diberi rebat berjumlah RM71,080.

HANYA KENAIKAN RM0.01 BAGI TARIF DOMESTIK DALAM TEMPOH 10 TAHUN.

Dalam tempoh 10 tahun lalu, hanya SATU semakan tarif air domestik di Pulau Pinang. Pada tahun 2015, purata tarif air domestik bagi penggunaan pertama 35,000 liter sebulan meningkat sebanyak RM0.01 SETIAP 1,000 LITER (daripada RM0.31 kepada RM0.32 setiap 1,000 liter).

Ketika ini, purata tarif air domestik Pulau Pinang untuk 35,000 liter sebulan pertama masih YANG TERENDAH DI MALAYSIA pada RM0.32 setiap 1,000 liter. Purata kebangsaan ialah RM0.69 setiap 1,000 liter. Johor mengenakan bayaran RM1.31 bagi setiap 1,000 liter.

Oleh itu, bil maksimum air untuk 77% isi rumah di Pulau Pinang hanya RM11.30 sebulan (RM22.60 setiap kitaran bil dua bulan).

“Tiada kenaikan tarif air untuk kediaman dalam tempoh 5 tahun?”

Hakikatnya, kini 77% isi rumah Pulau Pinang membayar bil air domestik yang paling rendah di Malaysia adalah lebih relevan.

WCS HANYA MENGHUKUM MEREKA YANG MENGGUNAKAN AIR BERLEBIHAN

Surcaj Penjimatan Air Pulau Pinang (WCS) telah terbukti menjadi strategi pengurusan permintaan air yang berjaya di Pulau Pinang. Objektifnya adalah MENGELAK CATUAN AIR dengan menggalakkan penjimatan air domestik.

Tanpa WCS, penggunaan per kapita domestik di Pulau Pinang akan mencapai 319 l/k/h pada tahun 2017. Dengan WCS, penggunaan per kapita domestik di Pulau Pinang berada pada 276 l/k/h pada tahun 2017.

Tidak seperti semakan semula tarif, WCS TIDAK DIKENAKAN KEPADA 77% ISI RUMAH di Pulau Pinang. Hanya 23% isi rumah yang menggunakan lebih daripada 35,000 liter air sebulan membayar WCS.

Lagi pun, PBAPP juga telah memungkinkan isi rumah dengan 8 orang atau lebih untuk menerima rebat 60% daripada WCS.

Adalah kurang bijak untuk ***“Menghapuskan surcaj air”*** tanpa memahami keperluan dan objektif pemuliharaan air.

Pemuliharaan air memastikan TIADA CATUAN AIR, terutamanya semasa musim kemarau yang berpanjangan, seperti fenomena Super El Niño 2016. Pemuliharaan air membantu memastikan kita mempunyai air yang mencukupi untuk memastikan Pulau Pinang yang “Hijau, Bersih dan Sihat”. Paling penting, pemuliharaan air akan membantu memastikan kita mempunyai air yang mencukupi untuk anak-anak dan cucu-cucu kita pada masa akan datang.

Di seluruh dunia, semakin ramai orang menyedari bahawa kelestarian bekalan air hanya berlaku melalui pemuliharaan air.

CAJ PEMOTONGAN DAN SAMBUNGAN SEMULA BEKALAN AIR DITETAPKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN

Caj pemotongan bekalan air RM35 dan penyambungan semula RM35 yang dikenakan di Pulau Pinang telah DITETAPKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN.

Caj ini dikuatkuasakan menerusi Kaedah-kaedah Perkhidmatan Air (Retikulasi Air & Pemasangan Paip) 2014 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Industri Air (Deposit, Bayaran & Caj Perkhidmatan Air) 2014.

Caj yang sama dikenakan di Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak, Perlis dan Kelantan: semua negeri yang telah beralih kepada ke Inisiatif Penstrukturan Semula Perkhidmatan Air Negara (NWSRI).

Sila lihat dokumen berikut yang dipaparkan di laman web SPAN:

[http://www.span.gov.my/pdf/law/bm/PeraturanPeraturan%20IPA%20\(Deposit,%20Fi%20dan%20Caj%20Perkhidmatan%20Air\)%202014.pdf](http://www.span.gov.my/pdf/law/bm/PeraturanPeraturan%20IPA%20(Deposit,%20Fi%20dan%20Caj%20Perkhidmatan%20Air)%202014.pdf)

Ia mungkin menyalahi undang-undang bagi sesiapa sahaja yang menyatakan untuk **“Mengurangkan caj untuk pemotongan dan penyambungan semula air”**.

MEMBANTU MENYELESAIKAN ISU BIL TERTUNGGAK BADAN-BADAN PENGURUSAN BANGUNAN

Kadar kutipan bil PBAPP pada 2017 adalah lebih daripada 90%, bermakna kebanyakan pengguna air di Pulau Pinang membayar bil air mereka tepat pada waktunya. PBAPP mengikuti undang-undang dalam pengutipan hutang.

Undang-undang, dalam kes ini, merujuk kepada UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan: Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006) dan Akta SPAN 2006.

Dalam kes-kes tertentu, PBAPP juga menyediakan rebat dan menawarkan skim bayaran progresif tanpa faedah.

Jadi, apakah yang dimaksudkan dengan **“Membantu Badan Pengurusan Residen dengan isu tunggakan bil”**?

DISKAUN BIL AIR “PULAU PINANG BANGKIT”

Pada tahun 2017, PBAPP mengurangkan semua bil air Pulau Pinang selama dua bulan, untuk menyokong usaha bantuan banjir "Pulau Pinang Bangkit" Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Usaha ini memberi kesan kepada pendapatan PBAPP sebanyak RM16.6 juta. Walau bagaimanapun, kami melakukannya kerana kami adalah sebuah “syarikat Pulau Pinang”. Kami bersedia untuk bersama-sama Pulau Pinang pada masa-masa yang diperlukan.

Di PBAPP, kami tidak hanya membuat janji. Tugas kami adalah untuk merancang dan bertindak untuk memenuhi semua keperluan bekalan air Pulau Pinang, sepanjang masa. Kami juga memenuhi tanggungjawab sosial korporat kami di Pulau Pinang.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my